
	<p style="text-align: center;"><b>PROGRAM UMRAH KHASNYA UNTUK ORANG PEKAK 2015 ANJURAN PERSATUAN ORANG PEKAK ISLAM MALAYSIA BERSAMA GLOCAL TRAVEL &amp; TOURS S/B</b></p>	
---	---	---

**ATURCARA PERJALANAN UMRAH AIRASIA X 12 HARI 10 HARI MALAM  
PADA 21 NOVEMBER HINGGA 2 DISEMBER 2015  
RM5,490.00 seorang**

**Butiran penerbangan:**

D7 172	21 November 2015 (Sabtu)	KUL/JED	12:30	17:00 (9½ jam)
D7 173	2 Disember 2015 (Rabu)	JED/KUL	18:25	8:25+1 (9 jam)

**Hari Pertama Kuala Lumpur – Jeddah – Madinah**

Jemaah diminta berada di KLIA2 balai jam **6:00 pagi (21 November 2015)** berlepas 4 jam sebelum waktu berlepas. Urusan daftar pesawat akan dibantu oleh kakitangan Glocal Travel & Tours S/B. Setibanya di Lapangan Terbang Jeddah jemaah akan disambut oleh wakil Glocal Travel & Tours S/B dan dibawa menaiki bas untuk meneruskan perjalanan ke Madinah. Tiba di hotel di Madinah, daftar masuk dan berehat.

**Hari Kedua Madinah (Ziarah Dalam)**

Selepas sarapan pagi, jemaah akan di bawa ke Masjid Nabawi dengan menziarahi Makam Rasulullah dan para sahabat, Raudhah dan Perkuburan Baqi. Selesai ziarah, jemaah bebas untuk beribadat di Masjid Nabawi.

**Hari Ketiga Madinah (Ziarah Luar)**

Selepas sarapan pagi, jemaah akan menziarahi Kota Madinah dengan diiringi oleh mutawwif. Tempat-tempat lawatan adalah Masjid Quba', Jabal Uhud, Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh (Medan Perang Khan-dak) dan Ladang Kurma. Selesai ziarah, jemaah bebas untuk beribadat di Masjid Nabawi.

\* Lawatan ke Kilang Percetakan Al-Quran akan dibuat setelah mendapat kebenaran dari pihak berkuasa di sana.

**Hari Keempat Madinah – Makkah**

Hari terakhir jemaah berada di Madinah. Disunatkan menziarahi Maqam Rasulullah S.A.W untuk ziarah selamat tinggal. Kembali ke hotel. Jemaah dinasihati mandi sunat ihram dan memakai ihram di hotel. Bersiap untuk berangkat ke Makkah Al-Mukarramah. Di dalam perjalanan singgah sebentar di Masjid Bir Ali untuk solat sunat ihram dan bermiqat (berniat ihram umrah). Sampai di Makkah Al-Mukarramah, jemaah akan dibawa ke hotel dan

kemudiannya di bawa oleh mutawwif ke Baitullah untuk mengerjakan ibadah umrah yang pertama. Mutawwif akan memandu dan memberi penerangan tentang cara-cara mengerjakan Tawaf, Sa'ie dan Tahallul.

#### **Hari Kelima – Makkah**

Jemaah bebas memperbanyakkan Ibadah di Masjid al-Haram.

#### **Hari Keenam – Makkah**

Selepas sarapan pagi, jemaah akan dibawa ke menziarahi Kota Mekah. Tempat-tempat lawatan adalah Jabal Thur, Padang Arafah, Jabal Rahman, Muzdalifah, Mina, Jamaarat, Jabal Noor dan akhirnya bermiqat di Ja'aranah. Jemaah dinasihati mandi sunat ihram dan memakai ihram di hotel. Balik ke baitullah untuk menyelesaikan umrah yang kedua.

#### **Hari Ketujuh – Makkah**

Jemaah bebas memperbanyakkan Ibadah di Masjid al-Haram.

#### **Hari Kelapan – Makkah**

Jemaah dinasihati mandi sunat ihram dan memakai ihram di hotel. Jemaah akan dibawa melawat Ladang Ternakan Unta serta bermiqat di Masjid Hudaibiyah untuk untuk berniat ihram. Balik ke baitullah untuk menyelesaikan umrah yang ketiga.

#### **Hari Kesembilan dan Hari Kesepuluh – Makkah**

Jemaah bebas memperbanyakkan Ibadah di Masjid al-Haram.

#### **Hari Kesebelas – Makkah**

Hari terakhir jemaah berada di Makkah dan jemaah diwajibkan mengerjakan Tawaf Wida' sebelum meninggalkan Makkah Al-Mukarramah. Bertolak ke Lapangan Terbang Jeddah.

#### **Hari Keduabelas – Jeddah – Kuala Lumpur**

Dijangka tiba di KLIA2 pada jam 8:25 pagi pada 2 Disember 2015.